

**Teks Ucapan**  
**Ybhg. Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon**  
**Naib Canselor**  
**Universiti Malaysia Sabah**  
**Sempena**  
**Majlis Pertandingan Akhir Debat Alam Sekitar antara IPT Malaysia kali**  
**ke-18**

---

Dewan Resital  
29 Julai 2008, jam 8.00 pagi

**Bismillahir Rahmannir Rahim**

**Assalammualaikum wbt. dan Salam Sejahtera**

**Terima kasih pengacara majlis**

**ALU-ALUAN**

Yang Berhormat (Timb. Menteri...)

Yang Berbahagia Datuk Hajjah Rosnani Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar Malaysia,

Yang Berusaha Prof (Pengerusi MADUM)

Yang Berusaha Prof. Dr. Amran Ahmed, Timbalan Naib Canselor HEP dan Alumni, UMS merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Pertandingan Debat Alam Sekitar IPT Malaysia kali ke-18

Yang Berbahagia Puan Choong Mei Chun, Pemangku Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Alam Sekitar Malaysia

Pegawai-pegawai utama dan kanan universiti

Para pensyarah, pelajar, ahli-ahli jawatankuasa pelaksana serta sidang hadirin yang dihormati sekalian.

### **PENGHARGAAN KEPADA JABATAN ALAM SEKITAR.**

1. Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNYA maka dapat kita berkumpul bersama-sama dalam majlis ilmu pada pagi ini. Semoga kehadiran kita dalam dewan ini untuk menyaksikan pertandingan akhir debat alam sekitar IPT Malaysia ini mendapat keredhaan dari Allah swt.
2. Sesungguhnya kesungguhan dan komitmen Jabatan Alam Sekitar dalam usaha mendidik masyarakat tentang alam sekitar sememangnya tidak dapat dinafikan. Ini dapat dibuktikan dengan penganjuran Pertandingan Debat Alam Sekitar IPT Malaysia setiap tahun, selama 18 tahun. Kesyukuran penganjuran debat ini adalah bukti kukuh betapa Jabatan Alam Sekitar tekad mengotakan falsafah melentur buluh biarlah dari rebungunya. Atas dasar yang sama juga maka untuk penganjuran debat kali ini, UMS selaku tuan rumah berusaha meluaskan lagi sasaran audien debat dengan membawa pertandingan debat ini di peringkat separuh akhir ke sekolah menengah
3. Dua buah sekolah menengah yang telah sudi menerima pelawaan kami untuk sama-sama menganjurkan debat ini ialah SM All Saints dan SMK Likas Kota Kinabalu. Penglibatan pelajar di peringkat sekolah menengah ini diharapkan dapat meluaskan lagi jangkauan mesej alam sekitar untuk audien yang lebih besar.

## **KONFLIK ALAM SEKITAR DAN MANUSIA, PERANAN GENERASI HARI INI.**

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Peningkatan populasi manusia di seluruh dunia yang melebihi angka 6 billion orang wajar dilihat sebagai satu faktor penting dalam peningkatan konflik manusia dan alam sekitar. Konflik manusia dan alam sekitar ini tidak boleh dielakkan demi untuk memastikan survival ketamadunan manusia.
  
5. Usaha demi usaha sentiasa dilakukan untuk memastikan survival manusia untuk terus hidup iaitu dengan memastikan keperluan makanan dapat disediakan. Ini menyebabkan lebih banyak kawasan baru diperlukan, hutan terpaksa dikorbankan demi memberikan laluan kepada aktiviti pertanian bagi membekalkan keperluan makanan manusia. Selain daripada keperluan makanan, manusia juga banyak bergantung kepada keperluan tenaga. Manusia hari ini sudah terlalu bergantung kepada tenaga yang dihasilkan daripada bahan fosil yang tidak boleh diperbaharui malah adalah antara penyumbang utama kepada perubahan iklim dunia. Permintaan yang tinggi untuk bahan api ini juga mewujudkan konflik antara manusia dan alam sekitar. Dalam konflik seperti ini biasanya manusia akan muncul sebagai pemenang dan alam sekitar terpaksa beralah!

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Perkara-perkara yang saya sebutkan tentang konflik manusia dan alam sekitar pada masa kini dan masa depan bukan lagi tanggungjawab sesebuah Negara. Isu konflik manusia dan alam sekitar adalah isu

global. Semua Negara dalam dunia ini tidak terkecuali dari mempertahankan perkara ini secara bersama. Sebagai contoh, pembakaran terbuka di Indonesia menyebabkan Malaysia menerima kesan dalam bentuk jerebu.

7. Ini bermakna isu alam sekitar boleh membawa kepada ketidakstabilan sosial malah politik dalam dan antara Negara. Generasi hari ini adalah merupakan bakal pemimpin Negara pada masa hadapan. Dibahu siswa siswilah kita letakkan harapan agar konflik manusia dan alam sekitar ini dapat ditemui jalan penyelesaiannya, sekurang-kurangnya kita berupaya meminimalkan darjah kemusnahan akibat konflik tersebut.
8. Dalam memperkatakan tentang konflik alam sekitar dan manusia ini, saya ingin membawa perhatian para hadirin kepada satu perspektif lain. Peningkatan populasi manusia dari aspek lain sebenarnya tidak memberikan impak kepada kualiti alam sekitar. Apa yang berlaku sebenarnya ialah bagaimana manusia menggunakan sumber alam sekitar dan juga faktor-faktor geo-politik. Sebagai contohnya, 20% daripada penduduk di negara kaya menggunakan sehingga 80% daripada sumber alam sekitar yang dikeluarkan. Ini bermakna berlaku pembaziran dalam penggunaan yang akhirnya membawa kepada penurunan kualiti alam sekitar demi memenuhi kehendak manusia.
9. Justeru, pandangan ini memberikan implikasi betapa sebenarnya masih ada masa depan yang cerah untuk alam sekitar yang kurang tercemar. Walaubagaimanapun, jawapannya terletak kepada sejauhmana manusia berani untuk mengubah cara hidup bagi menjamin kelestarian alam sekitar. Ini termasuklah kepada keberanian para pemimpin masa depan untuk mengambil pendekatan yang lebih

bertanggungjawab dan tidak mengulangi kesilapan yang dilakukan oleh pemimpin masa kini dalam polisi alam sekitar mereka.

10. Sebagai contohnya, kedegilan Amerika Syarikat untuk mengurangkan pembebasan gas rumah hijau dalam protokol Kyoto sebaliknya mencadangkan usaha menstabilkan pembebasan gas rumah hijau jelas menunjukkan kesilapan besar dalam polisi alam sekitar oleh Amerika Syarikat. Kesatuan Eropah pula hanya sanggup mengurangkan pembebasan gas rumah hijau sebanyak 15% berbanding keperluan mengurangkan pembebasan gas rumah hijau sebanyak 60% yang ditetapkan oleh Panel Antara Kerajaan bagi Perubahan Cuaca pada tahun 1990. Kedua-dua contoh ini jelas menunjukkan sekiranya masyarakat apatah lagi pemimpin tidak berani melakukan perubahan maka alam sekitar pastinya tidak akan selamat untuk generasi akan datang.

### **PERANAN UNIVERSITI DALAM ISU ALAM SEKITAR**

Tuan-tuan dan Puan-puan,

11. Di pihak universiti kami akan meneruskan dan menggiatkan lagi usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dalam konteks dan keupayaan kami sebagai sebuah gedung ilmu pengetahuan. Pendidikan tentang kesedaran alam pemeliharaan alam sekitar akan dipertingkatkan samada melalui pendidikan dalam bentuk formal atau pun informal. Sasaran audien akan diperluaskan, bukan sahaja untuk pelajar dan warga dalam kampus malah berkemungkinan besar akan menjangkau audien di luar kampus. Penganjuran pertandingan debat seperti hari ini merupakan satu contoh komitmen universiti ini dalam isu alam sekitar..

12. Usaha-usaha penyelidikan juga akan dipergiatkan lagi untuk menghasilkan sumber tenaga yang boleh diperbaharui sekali gus mengurangkan pergantungan kehidupan manusia kepada sumber tenaga fosil yang kian pupus. Menghasilkan teknologi pertanian yang lebih maju dan murah supaya usaha untuk mengeluarkan makanan bagi menampung keperluan penduduk dapat dilakukan serta dalam masa yang sama mengurangkan penerokaan kawasan baru untuk tujuan pertanian.
13. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang saya sebutkan sebelum ini, usaha menangani permasalahan alam sekitar merupakan satu usaha kolektif, setiap pihak perlu saling bekerjasama. Dunia ini adalah amanah kita bersama. Maka logiknya amanah tersebut perlu kita laksanakan.

## **PENUTUP**

Tuan-tuan dan Puan-puan,

14. Sekali lagi saya bagi pihak universiti Malaysia Sabah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kami kepada pihak Jabatan Alam Sekitar, Sekretariat TTNC (HEP) melalui MADUM atas kesudian memilih UMS sebagai tuan rumah untuk pertandingan debat alam sekitar ini.
15. Kepada para pendebat yang berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir ini, saya ucapkan tahniah dan selamat bertanding. Memanglah adat pertandingan mesti ada yang kalah dan ada yang menang. Walau

bagaimanapun, pemenang sebenar dalam pertandingan debat ini ialah alam sekitar yang perlu kita lindungi demi untuk generasi akan datang.

16. Bagi pihak tuan rumah, saya memohon ribuan kemaafan atas segala kekurangan dan kekhilafan dalam penganjuran pertandingan debat kali ini.

Sekian. Terima kasih.